

26/12/2001

Sokongan daripada rakyat masih kuat

KANGAR, Selasa - Rakyat menyanjung kemampuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemudi pentadbiran negara daripada segala aspek dan sudah melupakan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kemampuan Perdana Menteri mengekalkan kestabilan ekonomi dan politik selepas kegawatan ekonomi akibat serangan spekulator mata wang pada 1997 dan mengekalkan kestabilan politik selepas pemecatan Anwar, diterima rakyat.

Sehubungan itu, katanya, pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, akan memperlihatkan sokongan rakyat terhadap BN yang berjaya mengekalkan kestabilan.

Beliau berkata, rakyat bukan setakat melihat kemampuan BN memajukan negara, malah ketidakmampuan parti pembangkang, khususnya Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan DAP selepas pilihan raya umum 1999.

"Orang Melayu sudah muak dengan perjuangan Pas. Orang Melayu sudah insaf Pas tidak boleh berbuat apa-apa, selain hanya pandai bercakap.

"Orang Cina pula sudah hilang kepercayaan kepada DAP. Inilah asas kukuh untuk jentera pilihan raya BN mengekalkan kemenangan BN dalam pilihan raya kecil ini," katanya.

(END)